



UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN
WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS APRESIASI KUD@PUTRAJAYA TAHUN 2023

TARIKH:

12 DISEMBER 2023

TEMPAT:

BANGI RESORT HOTEL

12 DISEMBER 2023

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Luar Bandar Sejahtera

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

MUKADDIMAH

1. KUD@Putrajaya 2023 yang telah berlangsung pada 22 hingga 26 Disember 2023 lalu telah meninggalkan suatu impak yang cukup bermakna kepada

semua yang telah terlibat dalam menjayakannya sama ada secara langsung maupun tidak.

2. Keterujaan ini bukan sahaja dirasai oleh saya dan kita semua, tetapi YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim turut teruja dengan penganjuran KUD@Putrajaya.
3. Apabila YAB Perdana Menteri dimaklumkan bahawa kesihatan saya ketika itu tidak mengizinkan untuk saya hadir ke perasmian tersebut, beliau sendiri telah menziarahi saya dan kami berkesempatan untuk membincangkan beberapa perkara sebelum beliau hadir merasmikan karnival ini. Inilah sifat keprihatinan dan jiwa besar YAB Perdana Menteri yang tidak pernah saya lihat pada mana-mana PM sebelumnya.
4. Meskipun saya tidak dapat menghadirkan diri semasa aktiviti kemuncak perasmian KUD@Putrajaya oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, namun saya tidak melepaskan peluang dengan mengikuti majlis tersebut secara 'live' melalui media sosial.
5. Saya juga dapat merasai keterujaan dan kemeriahan tersebut serta meneliti setiap ungkapan oleh YAB Perdana Menteri yang ingin terus memakmurkan ekonomi perdesaan dengan menyediakan peruntukan khas berjumlah RM1 bilion sebagai permulaan.
6. Peruntukan ini dikenali sebagai 'Dana Komuniti MADANI' yang membolehkan setiap kampung dibekalkan dana antara RM50 ribu hingga RM100 ribu bagi mengusahakan projek seperti penanaman sayur, ternakan, hidroponik, dan sebagainya yang boleh membantu meningkatkan ekonomi setempat, di mana KKDW akan terlibat secara langsung dalam memantau projek Dana Komuniti MADANI ini. Kita akan bersama-sama memastikan usaha ini dapat direalisasikan dan mencapai kejayaan, demi manfaat masyarakat khususnya di perdesaan. Insya-Allah.

MAJLIS APRESIASI

7. Kejayaan penganjuran KUD@Putrajaya 2023 ini juga telah menterjemahkan kesungguhan kita semua melalui Kementerian Usahawan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam usaha untuk memakmurkan masyarakat di perdesaan terutamanya bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mereka.
8. Alhamdulillah, susulan daripada kejayaan tersebut, pada malam ini kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam Majlis Apresiasi KUD@Putrajaya 2023. Majlis ini ada ruang untuk kita menghargai sumbangan seluruh warga KKDw, agensi dan LKW yang telah muncurah keringat, memberikan komitmen dan dedikasi sepanjang pelaksanaan KUD tempoh hari. Syabas juga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Induk KUD atas inisiatif menganjurkan majlis yang istimewa ini. Saya pasti ia bukan sesuatu yang mudah tetapi telah dilaksanakan sebaiknya.
9. Selain itu, Majlis Apresiasi ini juga meraikan dan menghargai jasa yang telah disumbangkan oleh rakan-rakan strategik yang telah turut terlibat di dalam pelaksanaan program ini. Kerjasama strategik seperti ini amat penting dan perlu terus dipertingkatkan agar keusahawanan luar bandar akan terus dapat dibangunkan serta melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar bukan sahaja berjaya di peringkat tempatan tetapi juga ke peringkat antarabangsa.

KEJAYAAN KUD@PUTRAJAYA 2023

Hadirin yang dikasihi sekalian,

10. Semasa saya dilantik menerajui KKDw setahun lalu, saya dapati bahawa kali terakhir KUD ini dilaksanakan pada tahun 2019. Oleh kerana program ini banyak manfaat kepada rakyat, maka saya telah mengarahkan agar penganjuran KUD dihidupkan kembali sebagai platform pemasaran kepada usahawan luar bandar untuk memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing dalam skala yang lebih besar dan meluas.
11. Maka, inilah hasilnya sekarang. Boleh saya katakan bahawa penganjuran KUD ini adalah satu penganjuran yang sangat berjaya kerana telah berjaya mencapai sasaran awal yang telah ditetapkan dengan kehadiran pengunjung

melebihi 1 juta orang dengan nilai jualan termasuk tempahan mencecah lebih daripada RM10 juta!

12. Susulan penganjuran ini juga, saya sendiri menerima banyak puji oleh pelbagai pihak yang terkesan dengan keberhasilan yang dibawa oleh karnival ini. Tahniah saya ucapkan kepada semua!
13. Pastinya ini bukanlah kejayaan saya seorang, ini adalah kejayaan kita bersama. Kejayaan ini tidak akan hadir tanpa komitmen dan sokongan terutamanya oleh para petugas daripada jabatan dan agensi di bawah KKDW dalam menjayakan program yang telah dirancang oleh Kementerian. Bersama kita berikan tepukan yang paling gemuruh!

KEJAYAAN SETAHUN KKDW

Hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Pada kesempatan ini, saya ingin sebut juga beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh kita semua. Dalam tempoh setahun ini kita telah berjaya membangunkan banyak infrastruktur di luar bandar yang melepas KPI yang disasarkan antaranya:
 - Kejayaan menyiapkan 1,500 projek akses perhubungan luar bandar berbanding sasaran 1,000 projek dengan kadar pencapaian 150 peratus;
 - Kejayaan menyiapkan 388 projek Ameniti Sosial seperti balai raya, masjid, surau, tandas awam dan sebagainya berbanding sasaran 200 projek dengan kadar pencapaian sebanyak 194 peratus; dan
 - Banyak lagi projek-projek KKDW yang telah berjaya mencapai sasaran pada tahun ini.

15. Kita juga telah menggerakkan KEMAS dengan memperkasa penghayatan Islam dan ilmu Al-Quran seawal usia melalui Program Pra Tahfiz KEMAS, dengan sasaran untuk melahirkan seramai 100 ribu huffaz cilik menjelang tahun 2026.
16. Melalui KEMAS juga, kita berjaya mengusulkan modul pembelajaran berasaskan Program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI) 2.0 di 10,740 buah TABIKA KEMAS seluruh negara. Modul ini sebagai nilai tambah kepada kurikulum Pendidikan Islam sedia ada, melibatkan kolaborasi di antara Yayasan Pahang, Yayasan PINTA dan UPSI.
17. Begitu juga MARA yang berjaya merealisasikan kewujudan program baharu melalui penawaran pelbagai program dwi persijilan, iaitu sijil profesional dan diploma di Kolej Profesional MARA (KPM). Pada masa yang sama, melalui MARA juga, kita berjaya membuka peluang kepada 150,000 peserta untuk menyertai Program TVET Jelita, khusus untuk golongan wanita di seluruh negara.
18. RISDA pula turut berjaya mengiktiraf peranan dan sumbangan para pekebun kecil getah dengan memperuntukan sebanyak RM 63.75 juta, yang memberi manfaat kepada seramai 318,642 orang pekebun kecil getah di seluruh negara, di mana, masing-masing menerima bantuan berjumlah RM 200 seorang.
19. Selain itu, elaun Pembantu Pendidikan Masyarakat Sukarela (PPMS), KEMAS turut dinaikkan daripada RM500, kepada RM800 sebulan yang memberi manfaat kepada 9,439 orang.
20. Pemberian saguhati one-off sebanyak RM900 ribu kepada 900 orang penerima, terdiri daripada Batin, Penghulu, Pengurus, dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) turut dilakukan, dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada 437 orang penerima.

21. Pada masa yang sama juga, kita juga sedar bahawa isu keterjaminan makanan yang dihadapi negara ketika ini memerlukan semangat bahu-membahu oleh pelbagai pihak. Justeru saya turut mengucapkan tahniah kepada KKDW untuk memanfaatkan segala potensi yang ada di kementerian ini, bagi bersama-sama mendepani isu keterjaminan makanan terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran beras tempatan.
22. Alhamdulillah, melalui FELCRA pula, kita telah berjaya menggerakkan usaha membangunkan estet padi FELCRA di Seberang Perak, dengan keluasan lebih 4,000 hektar dengan hasil keluaran kasar untuk 2 musim setahun. Kita juga berjaya merealisasikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah dalam membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah untuk penanaman padi secara berkelompok yang menyediakan stok beras hampir 300,000 tan setahun.
23. Terdapat banyak lagi pencapaian di bawah KKDW dan agensi-agensi termasuk beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah yang bernaung di bawahnya, yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu pada kesempatan ini. Namun, sebahagian yang telah saya sebutkan sebentar tadi sekaligus memberikan gambaran tentang kejayaan dan keberhasilan KKDW dalam menjalankan fungsi dan peranannya untuk kesejahteraan rakyat.
24. Saya juga percaya masih beberapa perkara yang belum kita capai, namun saya yakin dengan komitmen dan kerja keras yang dilakukan pada tahun ini, andai diteruskan dan diperhebat pada tahun hadapan, pastinya kita akan capai kejayaan yang diinginkan sekaligus memberi impak yang besar kepada rakyat.
25. Saya berharap, pada tahun mendatang, kita akan menyaksikan lebih banyak lagi kejayaan demi kejayaan akan dilakar oleh KKDW dalam usaha untuk merancakkan pembangunan keusahawanan dan infrastruktur khasnya bagi penduduk luar bandar. Insya-Allah.

PENUTUP

26. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan pelaksanaan program KUD@Putrajaya 2023 yang lalu.
27. Saya juga berharap agar semua pihak akan terus bekerjasama dan sentiasa memberi sokongan serta komitmen kepada semua program Kementerian dalam membangunkan ekonomi luar bandar, khasnya di dalam bidang keusahawanan yang telah sedia untuk dilaksanakan kelak.
28. Dengan ini, saya akhiri ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah.
Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian.